

06 SEP 1998

Mustapa-Anwar

TINDAKAN TERHADAP ANWAR DISEBABKAN KESANGSIAN MORAL DAN PERIBADINYA

KOTA BAHARU, 6 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Datuk Mustapa Mohamed berkata tindakan yang diambil terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim termasuk dipecat daripada menjadi anggota Umno, disebabkan kesangsian terhadap moral dan peribadinya.

Beliau berkata, tindakan itu sama sekali tidak ada kaitan dengan dakwaan perbezaan dalam dasar negara atau konspirasi politik untuk menjatuhkannya.

"Seorang pemimpin yang berpendidikan Islam dan memperjuangkan Islam tidak boleh dipertahankan apabila soal moral dan peribadinya diragui," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Naib Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, telah menjelaskan sebab tindakan terhadap Anwar itu kepada pemimpin Umno Kelantan tiga peringkat iaitu bahagian, pergerakan pemuda dan wanita, di ibu negara semalam.

"Pendapat anggota MT, timbul keraguan dan kesangsian kepada seorang yang berpendidikan Islam dan yang merupakan pejuang Islam, ini sudah cukup bagi kita meragui kemampuannya untuk memimpin negara dan parti. Oleh itu tindakan yang diambil amat wajar," katanya.

Beliau berkata, keraguan terhadap moral dan peribadi Anwar itu telah melanggar beberapa perlembagaan Umno dan Majlis Tertinggi yang mempunyai kuasa mengambil tindakan sewajarnya yang mana keputusan itu tidak perlu dipertikaikan.

"Bagi MT untuk menjadi pemimpin nombor satu dalam negara dan pemimpin Umno, pemimpin sebuah parti politik Melayu, kalau banyak keraguan dan kesangsian (moral dan peribadi) itu sudah mencukupi untuk diambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, polis dan peguam negara telah menjalankan tugas masing-masing secara profesional tanpa dipengaruhi mana-mana pihak dan berjaya membuktikan keraguan berhubung soal moral dan peribadi itu.

"Adalah malang sekali sistem perundangan negara dipertikaikan dan adalah amat sukar bagi rakyat menerima hakikat bahawa siasatan itu telah dipengaruhi pihak tertentu," katanya.

Ketika ditanya adakah tindakan ke atas Anwar itu akan menguntungkan parti lawan, Mustapa berkata "kalau kita mempertahankan pemimpin yang punya masalah peribadi, ia akan melemahkan parti kita".

"Parti lawan akan ambil kesempatan untuk menyerang Umno sekiranya masih mempertahankan seseorang pemimpin yang mempunyai masalah," katanya yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Ketua Umno Bahagian Jeli.

Beliau berkata, tentunya amat sukar bagi Umno atau parti lawan menerima seorang pemimpin yang peribadinya dipertikaikan.

Sehubungan itu, beliau berkata penjelasan secara mendalam berhubung tindakan terhadap Anwar itu akan diberikan kepada semua anggota Umno.

Katanya, penjelasan itu penting kerana masih ada anggota Umno yang tidak mendapat maklumat jelas, agar mereka memahami rasional di sebalik pemecatan Anwar.

--BERNAMA

BD RI